General

UMPSA anjur program khidmat komuniti SULAM x BBEC dedah pelajar sekolah kepada konsep kelestarian dan pengurusan air bersih

Fri, 05/16/2025 - 16:15

GAMBANG, 14 Mei 2024 – Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) melalui inisiatif Service-Learning Malaysia – *University for Society (SULAM)* dengan kerjasama *Bioprocess and Biosystems Engineering Cluster (BBEC)* telah berjaya melaksanakan Program Tanggungjawab Sosial Korporat yang bertemakan *'Future Earth Generation & Clean Water Heroes',* bertempat di Dewan Astaka UMPSA, Kampus Gambang.

Program itu melibatkan penyertaan seramai 193 orang pelajar dan 12 orang guru pengiring daripada enam buah sekolah rendah dan menengah sekitar negeri Pahang dan Terengganu.

Sekolah-sekolah yang terlibat ialah Integrated Islamic School Kuantan, Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) (C) Gambang, SJK(T) Indera Mahkota, Sekolah Kebangsaan Bandar 2 Paloh Hinai, Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Rangin dan Sekolah Menengah Imtiaz Kemaman.

Pelaksanaan program ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk menyemai kesedaran awal berkaitan kepentingan penjagaan alam sekitar, pengurusan air bersih dan pengenalan kepada teknologi lestari melalui pendekatan teori serta aktiviti amali.

Objektif ini selari dengan aspirasi universiti dalam mendukung Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya dalam aspek kelestarian alam sekitar dan pendidikan berkualiti.

Program itu turut melibatkan penglibatan aktif pelajar sarjana muda daripada tiga kursus iaitu *BTK3254: Environment & Sustainable Technology, BKC4543: Environmental Engineering, serta BTF1143: Pharmaceutical Waste Management,* dengan sokongan pelajar pascasiswazah sebagai fasilitator dan pembimbing aktiviti.

Program turut diserikan dengan kehadiran penceramah jemputan iaitu pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP), Ts. Md Noor Ariffin yang berkongsi ilmu dan pengalaman berkaitan teknologi dan inovasi dalam pengurusan alam sekitar secara lestari.

UMPSA komited dalam usaha mendidik dan memberi inspirasi kepada masyarakat khususnya golongan pelajar untuk terus cakna terhadap isu-isu kelestarian sejagat serta memperkukuh peranan universiti dalam menyumbang kepada pembangunan komuniti melalui pendekatan berimpak tinggi.

Disediakan Oleh: Naqiah Puaad, Pusat Komunikasi Korporat

- 402 views

View PDF